

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/12/2018

## PM tak wajar dituduh sebagai dalang

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) tidak wajar 'dituding' sebagai dalang atau bersikap 'apologetik', kononnya mencetuskan gelombang perpecahan dalam kalangan masyarakat sejak kebelakangan ini.

Ketua Dasar dan Strateginya, Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Arif, mengemukakan lima sebab bagi menangkis tanggapan itu berkata, perpecahan sehingga menjurus kepada tindakan keluar parti bera- mai-ramai tidak bermakna semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan senator akan menyertai BERSATU.

"Contohnya, seorang menyertai Parti Amanah Negara (AMANA- H) di Sabah, minggu lalu, manakala selebihnya masih kekal sebagai Ah- li Parlimen Bebas, sementara men- tunggu proses saringan dan pen- gesahan bagi menentukan me-

reka benar-benar bertaubat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bekas Naib Presiden Parti Ge- rakan Rakyat Malaysia (GERA- KAN), Tan Sri Liew Yun Fah, me- nyertai AMANAH pada 2 Disember lalu.

Berdasarkan perkembangan se- masa, Rais berkata, BERSATU be- lum dinobat sebagai parti paling berpengaruh di Parlimen, sekali- gus bercanggah dengan dakwaan dilemparkan segelintir pihak mu- takhir ini.

"Hanya dengan kekuatan 19 Ahli Parlimen, BERSATU kekal sebagai parti minoriti, berbanding DAP yang mempunyai 42 Ahli Parli- men, manakala PKR diterajui Da- tuk Seri Anwar Ibrahim mempu- nyai 50 Ahli Parlimen," katanya sambil menyifatkan ia mesej jelas bahawa BERSATU masih jauh ke- tinggalan dalam aspek pegangan

kerusi di Parlimen.

Sebab kedua, Rais berkata, BER- SATU hanya boleh dianggap se- bagai paling berkuasa di Malaysia dalam landskap politik sekiranya semua 47 Ahli Parlimen UMNO mengumumkan keluar parti dan menyertainya.

### Bebas rasuah diberi tiket

Bagaimanapun, beliau menegaskan hanya bekas ahli UMNO yang tidak terpalit dengan sebarang ele- men rasuah didalangi pentadbiran terdahulu akan diberi 'tiket' men- jadi sebahagian daripada keluarga BERSATU.

"Ia juga tidak asing daripada pe- ngetahuan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) yang sentiasa dimak- lumkan mengenai sebarang kepu- tusan sebegini.

"Sebab ketiga, rakan komponen seperti DAP dan PKR berulang kali menyatakan mereka tidak akan

bekerjasama dengan bekas ahli UMNO yang mempunyai agenda meragukan.

"Naib Presiden PKR, Dr A Xavier Jayakumar, sebaliknya menegas- kan bahawa bekas ahli UMNO ha- nya akan diterima jika mereka se- dia mendedahkan kepincangan di- dalangi kepemimpinan parti, selain menyatakan taat setia ke- pada Anwar sebagai bakal Perdana Menteri," katanya.

Rais berkata, BERSATU tidak akan bersikap 'curang' dengan me- nyisihkan pendirian rakan kom- ponen yang ketika ini menyatakan keengganan mereka menerima ke- masukan bekas ahli UMNO.

Selain itu, katanya, PH perlu me- raih peningkatan dalam kalangan pengundi Melayu yang ketika ini hanya sekitar 25 hingga 30 peratus, berdasarkan keputusan Pilihan Ra- ya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei lalu.

"Untuk mewujudkan Malaysia baharu, di mana 60 hingga 65 pe- ratus daripada penduduk di ne- gara ini ialah Melayu, kita tidak boleh mengambil keputusan ter- buru-buru dengan menyisihkan keperluan meraih sokongan wakil Melayu.

"Anwar tidak akan mempunyai sebarang masalah untuk meneri- ma Ahli Parlimen dan ADUN ber- kenaan, selagi mereka menyata- kan kesetiaan terhadapnya. Haki- katnya, UMNO sukar diterima sebagai satu entiti.

"Oleh itu, PH perlu cakna supaya jangan terima mereka semua bu- lat-bulat, sebaliknya segelintir da- ripadanya, kerana bukan satu dosa untuk kita menjalin kerjasama de- ngan Ahli Parlimen yang keluar daripada parti masing-masing se- lagi tidak didakwa bersandarkan kedaulatan undang-undang," kata- nya.

PH - 17/12/2018 m/s: 6